SAMPEL PERCUMA

Latihan Sinonim dan Antonim

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 2

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

SINONIM

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Cikgu Zaman ***mendesak*** Yusnita supaya menceritakan perkara sebenar kes buli yang berlaku kepadanya. Perkataan seerti bagi ***mendesak*** ialah _____.

   A merayu
   B merungut
   C memaksa
   D menyuruh

2. Jurutera itu sedang ***memantau*** kerja-kerja pembinaan di tapak projek itu. Perkataan seerti bagi ***memantau*** ialah _____.

   A melihat
   B memerhati
   C memintas
   D memandai

3. Murid-murid yang menyertai kem motivasi itu mendapat banyak ***iktibar*** daripada ceramah motivasi sebentar tadi. Perkataan seerti bagi ***iktibar*** ialah _____.

   A keputusan
   B pengajaran
   C contoh
   D pengalaman

4. Lokman ***mengeluh*** akan nasibnya yang malang . Perkataan seerti bagi ***mengeluh*** ialah _____.

   A merayu
   B merintih
   C merungut
   D menggerutu

5. Ibu tidak ***membenarkan*** abang menyertai rombongan sekolahnya ke Kuala Lumpur. Perkataan seerti bagi ***membenarkan*** ialah _____.

   A mengizinkan
   B membolehkan
   C menggagalkan

6. Baju Pak Hashim ***lencun*** kerana hujun lebat . Perkataan seerti bagi ***lencun*** ialah _____

   A hapak
   B kering
   C kuyup
   D lembab

7. Rambutnya ***dipotong*** pendek supaya kelihatan lebih kemas. Perkataan seerti bagi ***dipotong*** ialah _____.

   A digaya
   B dituai
   C dilapah
   D dipangkas

8. Kelahiran cahaya mata Encik Ali dengan Puan Rahmah itu diharapkan dapat membawa ***rahmat*** kepada keluarganya. Perkataan seerti bagi ***rahmat*** ialah _____.

A restu
B berkat
C hutang
D ganjaran

9. Pemuda itu berfikiran ***cetek*** kerana kurang membaca.
Perkataan seerti bagi ***cetek*** ialah _____ .

A tohor
B ketat
C sesak
D sempit

10. Hutang-hutang di kedai itu sudah ***dilangsaikan***nya semalam.
Perkataan seerti bagi ***dilangsaikan*** ialah _____.

A dilesapkan
B dilunaskan
C ditunaikan
D dihapuskan

11. Cikgu Zaman ***mendesak*** Yusnita supaya menceritakan perkara sebenar kes buli yang berlaku kepadanya. Perkataan seerti bagi ***mendesak*** ialah _____.

A merayu
B merungut
C memaksa
D menyuruh

12. Kehadiran mereka tidak ***menghalang*** Encik Samad untuk melaksanakan tugasnya. Perkataan seerti bagi ***menghalang*** ialah_____**.**

A mengganggu
B membantu
C menyakit

13. Murid-murid perlu ***berhati-hati*** semasa melintas jalan raya.
Perkataan seerti bagi ***berhati-hati*** ialah _____.

A bersungguh-sungguh
B beringat-ingat
C berpandang-pandang


14. “Letih ***sungguh*** badan saya hari ini”, kata ibu kepada Aminah.
Perkataan seerti bagi ***sungguh*** ialah _____.

A betul
B berat
C berapa

15. Guru besar ***menghela*** nafas panjang apabila mengetahui murid-murid tahun enam sekolahnya lulus dengan cemerlang.
Perkataan seerti bagi ***menghela*** ialah _____**.**

A menarik
B menahan
C menggesa
D menghirup

Soalan 16 berdasarkan gambar di bawah.



16. Jurulatih pasukan bola sepak yang menjuarai pertandingan itu telah ***dijulang*** oleh pemain-pemainnya kerana kegembiraan. Perkataan seerti bagi ***dijulang*** ialah _____**.**

A diusung
B diangkat
C diangkut
D dijunjung

17. Kamal ***melempar*** batu ke dalam sungai itu.
Perkataan bagi ***melempar*** ialah _____**.**

A mengada
B mengalih
C mewujud
D membaling

18. Mereka menadah tangan berdoa untuk ***memohon*** pertolongan Tuhan.
Perkataan seerti bagi ***memohon*** ialah _____.

A memantau
B membantu
C mendapat
D meminta

19. Majalah kepunyaan Azli telah ***disembunyikan*** oleh adiknya di dalam almari pakaian.
Perkataan seerti bagi ***disembunyikan*** ialah _____.

A diletakkan
B disimpankan
C disorokkan
D dicampakkan

ANTONIM

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Hasraf ***mencurigai*** apa yang telah dilakukan oleh Amin terhadapnya selama ini. Perkataan berlawan bagi ***mencurigai*** ialah _____.

   A menganuti
   B mempercayai
   C mentauhidkan
   D mengharapkan


2 Pengawal tidak membenarkan sesiapapun ***masuk*** melalui pintu itu kecuali mereka yang dibenarkan sahaja. Perkataan berlawan bagi ***masuk*** ialah _____.

   A redah
   B keluar
   C rempuh

3 Ramai perajurit yang ***setia*** kepada sultan Melaka telah terkorban dalam pertempuran antara tentera Protugis. Perkataan berlawan bagi ***setia*** ialah _____.

   A akur
   B zalim
   C bengis
   D derhaka

Soalan 4 *berdasarkan gambar di bawah.*



4 Kapal kargo yang penuh muatan dagangan sedang ***berlabuh*** itu milik Syarikat Melati Jaya Berhad. Perkataan berlawan bagi ***berlabuh*** ialah _____.

   A belayar
   B berhenti
   C berlepas
   D mendarat

5 Ulat beluncas gemar makan bahagian tumbuh-tumbuhan yang ***lembut*** dan hijau. Perkataan berlawan bagi ***lembut*** ialah _____.

   A keras
   B pejal
   C padu
   D kuat


6 Mangsa tsunami itu berasa ***sedih*** kerana banyak barangnya telah rosak. Perkataan berlawan bagi ***sedih*** ialah _____.

A sukacita
B senyum
C bangga
D ketawa

7 Kakak ***menyorong*** kerusi itu kepada Amran. Sementara itu, Yusri sudah ***terlena*** daripada tidurnya. Perkataan berlawan bagi ***menyorong*** dan ***terlena*** ialah _____.

A menarik ... terjaga
B memberi ... tertidur
C meletak ... tercokoh
D mengambil ... terduduk

Soalan 8 *berdasarkan gambar di bawah.*



8 Encik Rahmat ***membatalkan*** hasratnya hendak membeli kereta Proton Waja . Perkataan berlawan bagi ***membatalkan*** ialah _____.

A menafikan
B mengesahkan
C mengumumkan

9 Pemuda itu telah dilantik sebagai pekerja ***sementara*** di Kilang Percetakan Majujaya. Perkataan berlawan bagi ***sementara*** ialah _____.

A kekal
B kemas
C. kejap
D. kukuh

10 Askar-askar berdiri ***tegak,*** ketika perbarisan itu diperiksa oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia. Perkataan berlawan bagi ***tegak*** ialah _____.

A condong
B bongkok
C bengkok
D lengkong

11. Ayah bercadang untuk mengubah suai ruang dapur yang ***sempit*** itu.
Perkataan berlawan bagi ***sempit*** ialah _____.

A luas
B lebar
C banyak
D panjang

12. Suri menghayati lagu kegemarannya sambil ***memejamkan*** mata.
Perkataan berlawan bagi ***memejamkan*** ialah _____.

A meluaskan
B mencelikkan
C menjernihkan
D mengenyitkan

13. Sampan yang bocor itu ***tenggelam*** ke dasar sungai.
Perkataan berlawan bagi ***tenggelam*** ialah _____.

A timbul
B hanyut
C hilang
D hangus

14. Warga emas yang ***uzur*** mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Perkataan berlawan bagi ***uzur*** ialah _____.

A teguh
B tegak
C kuat
D sihat

15. Rumah Nek Siti ***sunyi*** setelah cucu-cucunya pulang.
Perkataan berlawan bagi ***sunyi*** ialah _____.

A bising
B sepi
C nyaman
D kuat

16. Ibu menasihati adik supaya tidak ***boros*** apabila berbelanja.
Perkataan berlawan bagi ***boros*** ialah _____.

A jimat
B kurang
C simpan
D kedekut

17. Wardina ***enggan*** menceritakan masalahnya kepada Salmi.
Perkataan berlawan bagi ***enggan*** ialah _____

A malas
B pasti
C sudi
D izin

SINONIM

1	**C**	11	**C**	21	**B**	31	**C**
2	**B**	12	**A**	22	**C**	32	**B**
3	**B**	13	**B**	23	**A**	33	**C**
4	**B**	14	**A**	24	**B**	34	**B**
5	**A**	15	**A**	25	**D**	35	**D**
6	**C**	16	**D**	26	**B**	36	**B**
7	**C**	17	**D**	27	**A**	37	**A**
8	**B**	18	**D**	28	**B**		
9	**D**	19	**C**	29	**C**		
10	**B**	20	**C**	30	**A**		

ANTONIM

1	**B**	11	**A**	21	**D**	31	**C**
2	**B**	12	**B**	22	**B**	32	**A**
3	**D**	13	**A**	23	**B**	33	**D**
4	**A**	14	**D**	24	**B**	34	**B**
5	**A**	15	**A**	25	**A**	35	**B**
6	**A**	16	**A**	26	**D**	36	**C**
7	**A**	17	**C**	27	**A**		
8	**B**	18	**D**	28	**C**		
9	**A**	19	**A**	29	**A**		
10	**B**	20	**C**	30	**A**		

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 2

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar